

Pandemik perkukuh patriotisme rakyat menjaga negara tercinta

Isnin lalu, cukup setahun Tan Sri Muhyiddin Yassin mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kela-pan.

Pelantikan beliau menamatkan spekulasi siapakah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk dilantik menjadi ketua kerajaan baru, berikutan pelepasan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 24 Februari ta-hun lalu.

Pelantikan Muhyiddin meredakan kemelut politik negara, sekali gus mengelak pembubaran Parlimen yang memaksa pilihan raya umum (PRU) di-adakan lebih awal.

Beberapa pihak pernah menuntut di-adakan pilihan raya bagi mengembalikan mandat kepada rakyat untuk memilih kerajaan, namun akhirnya mereka akur dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri baru bagi mengelak rakyat terheret dalam kemelut politik berpan-jangan.

Sudah tentu, kita masih ingat bagaimana proses pemilihan Perdana Menteri ketika itu sehingga membabitkan peranan Yang di-Pertuan Agong.

Pelantikan Muhyiddin setahun lalu, menandakan bermula era kerajaan ba-har Perikatan Nasional (PN). Pada 9 Mac 2020, Perdana Menteri mengumumkan barisan Kabinet yang amat dinanti semua pihak.

Apa menarik perhatian, tidak ada ja-watan Timbalan Perdana Menteri (TPM) diumumkan, sebaliknya diwujudkan jawatan menteri kanan diwakili Ahli Parlimen setiap parti politik mem-bentuk kerajaan PN.

Saiz Kabinet besar dan isu UMNO tidak diberikan jawatan TPM antara polemik dibangkitkan. Selain itu, penggunaan Parti Pribumi Bersatu Ma-laysia (BERSATU) dalam portfolio ke-menterian menyentuh kepentingan rakyat akar umbi dilihat memberi lebih nilai strategik kepada kepentingan po-litik parti itu.

Jika BERSATU dilihat menguasai ke-menterian akar umbi, UMNO juga di-berikan kementerian tidak kurang pentingnya, iaitu mengurus bakat, sains dan inovasi berkepentingan masa depan.

Ahli Parlimen mereka dilantik ke ja-watan menteri di Kementerian Penga-jian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Ini tidak termasuk Kementerian Kes-ihatan (KKM) bertanggungjawab mena-gani penularan pandemik COVID-19 dalam negara.

Sebaik Kabinet dibentuk, cabaran be-sar menanti mereka. Tidak dinafikan, apabila kerajaan PN mula ditubuhkan, mereka berhadapan situasi sukar dan

luar biasa, khususnya menangani kri-sis kesihatan terburuk, iaitu penularan pandemik COVID-19 mengancam kese-kermatan rakyat.

Kerajaan juga perlu memulihkan se-mula pertumbuhan ekonomi negara pada waktu kemelut politik masih be-lum reda sepenuhnya.

Sepanjang setahun kerajaan PN, kita boleh melihat beberapa prakarsa dilaksanakan, sekali gus mencerminkan pencapaian mereka. Pertama, kerajaan PN menggalas amanah berat mengem-balikan kepercayaan rakyat dan mem-bina semula negara daripada krisis po-litik.

Perdana Menteri menerusi ucapan khas pertamanya sehari selepas meng-angkat sumpah, menegaskan tidak ma-hu kemelut politik berpanjangan-hing-ga membebani rakyat.

Sebaliknya, fokus kerajaan wajar di-berikan kepada usaha menjaga kepe-nitigan dan kesejahteraan rakyat yang banyak terganggu kerana krisis politik sebelum ini. Ini termasuk soal mem-berikan perkhidmatan kesihatan ter-baik dan pendidikan berkualiti.

Rakyat juga muak dengan percara-nan ahli politik dan berharap kerajaan PN meletakkan rakyat mengatasi ke-pe-nitigan politik.

Kedua, meskipun dikatakan kerajaan tanpa manifesto, tanggungjawab utama kerajaan PN seolah-olah tertulis untuk menangani penularan pandemik CO-VID-19. Kurang dua minggu selepas Ka-binet baharu diumumkan, Malaysia se-perti negara lain diancam penularan pandemik hingga terpaksa melaksana-kan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020.

Sejak itu, fokus dan tumpuan utama kerajaan adalah mengawal impak pe-nularan pandemik terhadap kesihatan dan keselamatan rakyat Malaysia. Di sinilah bermulanya penggunaan kon-

sep prihatin dikenakan kerajaan menggambarkan keprihatinan menyany-tuni kepentingan dan kesejahteraan ra-yaty.

Ketiga, tidak pernah berlaku sebelum ini kerajaan dan institusi awam men-jadi semakin penting. Ketika krisis ke-mansiahan terburuk inilah, kerajaan perlu memainkan peranan luar biasa meyakinkan rakyat bahawa mereka mampu memimpin dan mengeluarkan negara daripada krisis.

Ketika pelaksanaan PKP, peranan kerajaan, institusi berkaitan kerajaan dan penjawat awam dizahirkan dengan khidmat diberikan khususnya dalam sektor kesihatan serta pendidikan.

Keempat, krisis kemanusiaan terburuk ini juga memperlihatkan kerajaan tidak boleh lagi bertindak sendirian, sebaliknya perlu mengambil pendek-tan konsultatif dalam menentukan apa juga tindakan terbaik demi kepe-nitigan rakyat.

Dalam menangani penularan pandemik, sangat jelas keputusan kerajaan tertakluk musyawarah dan kerjasama strategik dengan beberapa pihak se-periti Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Kelima, penularan pandemik CO-VID-19 bukan sahaja memberi impak kepada tahap kesihatan rakyat, tetapi kelangsungan kehidupan mereka.

Ketika pelaksanaan PKP, ekonomi ne-gara kerugian RM2.4 bilion sehari. Usa-ha memulihkan semula ekonomi nega-ra dan menjana ekonomi rakyat perlu dilaksanakan dengan pantas dan ber-kesan oleh kerajaan.

Dalam hal ini, kerajaan memper-kenalkan pelbagai inisiatif dan bantuan kewangan bagi membantu memulihkan sektor industri dan pendapatan rakyat terjejas.

Pada 5 Jun 2020, Perdana Menteri me-ngumumkan Pelan Jana Semula Eko-nomi Negara (PENJANA) dengan

memperuntukkan RM35 bilion.

Kemuncak inisiatif kewangan ini bo-leh dilihat melalui pembentangan Be-lanjawan 2021 yang menjadi perdebatan hangat dalam dan luar Parlimen. Ke-rajaan terpaksa berkompromi dengan beberapa tuntutan bagi memastikan be-lanjawan dapat disokong dan dilulus-kan.

Ini termasuk berkaitan pengeluaran Kumulasi Wang Simpanan Pekerja (KWSP), iaitu i-Sinar.

Sepanjang setahun kerajaan PN, fo-kus utama adalah mengawal penularan pandemik COVID-19. Banyak usaha di-lakukan untuk menjaga keselamatan dan kepentingan rakyat.

Tidak dinafikan, bukan mudah me-nakhoda kerajaan pada waktu sukar dan luar biasa ini. Sudah tentu ramai boleh memberi pandangan dan kritikan, namun untuk melaksanakannya suatu hal berbeza.

Banyak pengajaran boleh ditimba da-lam tempoh singkat sesukar ini. An-taranya, usaha mengekang penularan pandemik COVID-19 memperkuuh se-mangat patriotik rakyat untuk menjaga dan memelihara negara tercinta seperti ungkapan popular 'Kita Jaga Kita.'

Tempoh setahun ini menzhirkan usaha terbaik kerajaan untuk rakyat. Apa juga pencapaian kerajaan PN, biarlah rakyat menilainya.

Rakyat semakin bijak menilai antara kaca dan pertama. Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) sudah pasti semakin hampir apabila rakyat mulai menerima vaksin serta selamat dan sihat untuk mengundi kelak.

Penulis adalah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Felo Penyelidik di Pu-şat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya, Universiti Malaya (UMCEDEL)



Pelbagai langkah dan insentif dilaksana kerajaan untuk melindungi serta membantu rakyat dalam menghadapi COVID-19. (Foto hiasan)